

AKTIVITI UASA 3 Kata Kerja

Format Terbaharu UASA

Soalan 1 hingga 42

Pilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Pak Mahat _____ buluh itu nipis-nipis untuk membuat rangka wau.
A memotong C mengerat
B meraut D mengasah
2. Mesyuarat tentang pembahagian tanah di kampung itu _____ sehingga pukul 4:00 petang.
A berhampiran C berderetan
B berlanjutan D berdampingan
3. Kerja-kerja _____ rumah banglo Datuk Hamdan telah bermula sejak sebulan yang lalu.
A memeta C memperbaiki
B mewarna D mengubah
4. Mei Mei agak _____ untuk menerima lamaran daripada Tat Meng kerana dia tidak suka akan perangai Tat Meng.
A ketakutan C keberatan
B kesusahan D kesangsian
5. Kita hendaklah _____ makanan yang kita makan hingga hancur sebelum menelannya.
A menggigit C menghisap
B menjilat D mengunyah

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Rumah nelayan di tepi laut itu hampir _____ kerana dilanda ribut pada petang semalam.
A jatuh C rebah
B roboh D menurun
7. Biasanya, ayah akan _____ saya di perhentian bas dengan beca setiap kali saya pulang ke kampung.
A menjemput C mempelawa
B mengajak D menghantar
8. Negeri Kelantan dan Terengganu sangat terkenal dengan industri _____ kain songket.
A menjahit C menampal
B menenun D menganyam
9. Emak _____ beberapa potong kuih seri muka untuk dihidangkan kepada kami sebelum pergi ke sekolah.
A memotong C memangkas
B menghiris D mengerat
10. Semua penduduk yang tinggal berhampiran dengan cerun bukit diarahkan _____ kerana telah berlaku tanah runtuh di kawasan tersebut.
A berpindah C bertukar
B berpisah D beralih

11. Layang-layang Firdaus _____ di udara apabila ditiup oleh angin.
 A menjerit-jerit
 B memekak-mekak
 C mengapung-apung
 D melayang-layang
12. Sebaik-baik sahaja sampai di kawasan perkhemahan itu, kami segera _____ khemah kerana hari hampir gelap.
 A menaikkan C melabuhkan
 B mendirikan D menegakkan
13. Perompak itu _____ sepucuk pistol ketika berlaku peristiwa tembak-menembak dengan sepasukan polis.
 A beralaskan
 B berlapikkan
 C bertemankan
 D bersenjatakan
14. Gelas-gelas di atas meja itu _____ kerana dilanggar oleh seekor kucing yang mengejar seekor tikus.
 A timbul C runtuh
 B pecah D tenggelam
15. Semenjak mengalami peristiwa yang ganjil itu, Mimi menjadi pendiam dan sering _____ apabila bersendirian.
 A berangan C tergamam
 B terpegun D termenung
16. Walaupun anaknya menuntut di luar negeri, namun mereka masih _____ melalui e-mel.
 A berkaitan
 B berlanjutan
 C berhubung
 D berdampingan
17. Semasa berkursus di Ipoh nanti, saya akan _____ di rumah kakak kerana berdekatan dengan tempat kursus saya.
 A menumpang C mendarat
 B menatang D melepak

Soalan 18 berdasarkan gambar di bawah.



18. Penunggang motosikal itu _____ kesejukan kerana kehujanan.
 A menggoyang C menguap
 B menggigil D mengecut
19. Kelakuan kanak-kanak semasa bermain di taman permainan itu sungguh _____ hati saya.
 A melekakan
 B mencuit
 C memukau
 D menggores

Soalan 20 berdasarkan gambar di bawah.



20. Pemandangan di tepi laut ketika matahari hampir _____ kelihatan sungguh cantik.
 A terjatuh
 B tertimbus
 C terbenam
 D tertanam
21. Pelayan itu berhati-hati semasa _____ mangkuk yang berisi sup itu supaya tidak tertumpah.
 A menjulang
 B menatang
 C memikul
 D membimbit